

**Boustead Penang Peroleh Kontrak RM108 Juta Daripada Murphy Sarawak Oil
Bernama
14 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) -- Boustead Penang Shipyard Sdn Bhd memperoleh kontrak RM108 juta daripada Murphy Sarawak Oil Co Ltd untuk fabrikasi struktur pelantar luar pesisir Belum.

Unit dalam Boustead Heavy Industries (BHIC) Corporation Bhd itu mengumumkan projek itu melibatkan kerja-kerja kejuruteraan, pemerolehan, pembinaan dan pengoperasian struktur pelantar luar pesisir untuk Blok SK309 Satelit-A Belum, dalam fasa dua Projek Pembangunan Gas Sarawak.

Kontrak itu disasarkan untuk disiapkan menjelang Jun 2015.

"Projek itu kini berjalan mengikut jadual dan kami begitu teruja dengan pencapaian membanggakan ini.

"Kami menjangkakan permintaan untuk penyelesaian luar pantai dalam sektor minyak dan gas kekal rancak pada masa hadapan," katanya dalam satu kenyataan.

Kejayaan menyiapkan kontrak ini akan menguatkan lagi reputasi BHIC di kawasan berkenaan dan membolehkannya meraih lebih banyak peluang dalam sektor dinamik itu, bukan saja dalam negara malah di luar negara, katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1021947>